A **ALAGENTHIRAN MUNIANDY**

lwn.

AVADIAMMAL DORARAJ

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
ABD RAHMAN ABDOL PK
[NO. PETISYEN: 33-689-2011]
22 MAC 2012

C ***UNDANG-UNDANG KELUARGA:*** *Pembubaran perkahwinan - Perintah dekri nisi - Permohonan membatalkan - Dekri nisi berdasarkan petisyen bersama suami dan isteri untuk perceraian - Sama ada suatu penghakiman persetujuan - Sama ada perlu memfailkan tindakan baru dan bukan melalui saman dalam kamar - Sama ada mahkamah functus*
D *officio - Sama ada suami mempunyai alasan kuat dan kukuh mengetepikan perintah dekri nisi - Sama ada permohonan suatu penyalahgunaan proses mahkamah*

PROSEDUR SIVIL: *Saman dalam kamar - Permohonan*
E *mengetepikan perintah dekri nisi - Dekri nisi berdasarkan petisyen bersama suami dan isteri untuk perceraian - Sama ada suatu penghakiman persetujuan - Sama ada perlu memfailkan tindakan baru dan bukan melalui saman dalam kamar - Sama ada mahkamah functus officio - Sama ada suami mempunyai alasan kuat dan kukuh*
F *mengetepikan dekri nisi - Sama ada permohonan suatu penyalahgunaan proses mahkamah*

Pempetisyen suami ('suami') dan pempetisyen isteri ('isteri') telah memfailkan petisyen perceraian bersama di bawah s. 52 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976
G yang mana suami dan isteri menuntut, antara lain, supaya perkahwinan di antara mereka dibubarkan. Semasa perbicaraan, kedua-dua pihak hadir sendiri dan mengakui serta bersetuju agar perkahwinan mereka dibubarkan berdasarkan terma-terma yang dinyatakan di dalam petisyen penceraian bersama tersebut.
H Mahkamah telah membenarkan petisyen tersebut dan tiga bulan ditetapkan untuk *dekri nisi* dijadikan mutlak. Walau bagaimanapun, pada 10 Oktober 2011, suami telah memfailkan saman dalam kamar (lampiran 6) memohon, antara lain, *dekri nisi* tersebut dibatalkan. Permohonan ini disokong oleh afidavit suami yang mana antara lain
I menyatakan bahawa selepas perintah *dekri nisi*, suami dan isteri

masih tinggal serumah, kedua-duanya masih berhubung antara satu sama lain dan perkahwinan ini masih boleh diselamatkan. Isteri bagaimanapun tidak memfailkan sebarang afidavit berkenaan dakwaan suami tersebut, tetapi memfailkan hujahan bertulis yang menentang permohonan suami. Suami berhujah bahawa isteri telah bersetuju dengan lampiran 6 apabila isteri tidak memfailkan sebarang afidavit balasan berkenaan pengataan suami. Hujahan isteri pula adalah bahawa Mahkamah Tinggi ini telah *functus officio* setelah memberikan perintah *dekri nisi* dan tidak lagi mempunyai kuasa untuk mengubah atau mengetepikan penghakiman yang diperolehi secara sempurna.

Diputuskan (menolak permohonan suami):

(1) Mahkamah telah merekodkan *dekri nisi* berdasarkan petisyen bersama di antara suami dan isteri yang merupakan suatu "penghakiman persetujuan" dan untuk mengetepikan/ membatalkan ianya perlu dilakukan dengan memfailkan tindakan yang baru dan bukannya secara saman dalam kamar. Memandangkan ianya perintah yang direkodkan secara persetujuan kedua-dua pihak, ia merupakan *dekri nisi* persetujuan. Perintah *dekri nisi* ini juga merupakan "final order" yang mana mahkamah ini telah *functus officio* untuk mengetepikan *dekri nisi* ini. (perenggan 21)

(2) Sekiranya kedua-dua suami dan isteri benar-benar ingin kembali bersama hidup aman damai, isteri dan suami ini akan hadir secara kediri di hadapan mahkamah untuk membatalkan *dekri nisi* ini secara bersama-sama. Malangnya, keadaan ini tidak berlaku. Hanya peguam suami dan peguam isteri sahaja hadir. Isteri tidak memfailkan sebarang afidavit menentang permohonan suami dengan mengemukakan hujahan bertulis untuk menentang permohonan suami, dan ini sudah mencukupi untuk menjelaskan secara tersirat, bahawa isteri tidak ingin kembali kepada suaminya atau pun perdamaian tidak pernah tercapai di antara kedua-duanya. (perenggan 26)

(3) Suami tidak boleh membatalkan perintah *dekri nisi* ini. Suami masih belum membuktikan kepada mahkamah bahawa beliau mempunyai alasan yang kuat dan kukuh untuk mengetepikan perintah *dekri nisi* tersebut. Dakwaan suami bahawa selepas

perintah *dekri nisi*, suami isteri masih tinggal serumah bukanlah suatu alasan kukuh dan kuat untuk mengetepikan perintah *dekri nisi* ini. (perenggan 28)

(4) Tindakan suami memfailkan permohonan lampiran 6 ini adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah dan cubaan untuk melengah-lengahkan seterusnya menggagalkan usaha isterinya untuk mendapatkan Dekri Mutlak daripada mahkamah. Isteri tinggal serumah dengan suami selepas merekodkan perintah *dekri nisi* pada 15 Julai 2011 dan kemudiannya keluar dari rumah perkahwinan tersebut pada 5 September 2011, manakala lampiran 6 ini difailkan pada 10 Oktober 2011, iaitu selepas isteri tidak lagi tinggal serumah dengan suami. Sehubungan itu, suami telah mengetahui bahawa cubaan perdamaian dan mewujudkan kembali rumahtangga mereka telah gagal, tetapi masih memfailkan permohonan lampiran 6 ini dengan alasan perkahwinan masih boleh dipulihkan. (perenggan 30)

(5) Pada 25 November 2011, iaitu lima hari sebelum permohonan lampiran 6 ini dibicarakan, isteri telah memfailkan permohonan untuk komital dan pernyataan di bawah A. 52 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 terhadap suami akibat kegagalan menyerahkan anak-anak perkahwinan kepada isteri. Halatuju suami dan isteri ini bukanlah ke arah perdamaian dan kebahagiaan, sebaliknya ke arah pelaksanaan perintah *dekri nisi* tersebut. Sehubungan itu, dakwaan suami bahawa perkahwinan masih boleh diselamatkan adalah diragui. Justeru, berdasarkan alasan-alasan tersebut, permohonan suami dalam lampiran 6 ditolak. (perenggan 31 & 33)

Kes-kes yang dirujuk:

Alloy Automotive Sdn Bhd v. Perusahaan Ironfield Sdn Bhd [1986] 1 CLJ 2; [1986] CLJ (Rep) 45 SC ***(dirujuk)***

Kattayat Mohandas CP Narayana Menon v. Mangalam Sinniah; Harveen Kaur Balbir Singh (Co-Respondent/Party Cited) [2011] 1 LNS 494 HC ***(dirujuk)***

Liew Wai Kuan v. Ong Koh Hou @ Wong Kok Fong & Anor [2000] 1 LNS 303 HC ***(dirujuk)***

Ng Hee Thoong & Anor v. Public Bank Berhad [1995] 1 CLJ 609 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Divorce and Matrimonial Proceedings Rules 1980, rr. 52(1), 53(2)
Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976, ss. 52, 61(1), (2)
Rules of the High Court 1980, O. 52

Bagi pihak isteri - S Ramesh; T/n Hidhir Ramesh & Assocs
Bagi pihak suami - K Anandaraj; T/n Khoo & Sidhu

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Abd Rahman Abdol PK:

Pembukaan

[1] Pada 16 Jun 2011, pempetisyen suami (selepas ini dirujuk sebagai "suami") dan pempetisyen isteri (selepas ini dirujuk sebagai "isteri") telah memfailkan petisyen perceraian bersama (lampiran 2) di bawah s. 52 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 yang mana antara lain, suami dan isteri, menuntut seperti berikut:

(i) Perkahwinan di antara isteri dan suami dibubarkan;

(ii) Hak jagaan dan kawalan untuk kedua-dua anak perkahwinan diberikan kepada isteri dengan suami dibenarkan akses yang munasabah terhadap anak-anak tersebut;

(iii) Bahagian milikan separuh suami (1/2 shares) di atas hartanah perkahwinan tersebut dipindah milik kepada isteri tanpa sebarang bayaran oleh isteri kepada suami dan suami hendaklah menandatangani surat pindah milik Borang 14A, Kanun Tanah Negara dalam tempoh tujuh (7) hari selepas perintah Dekri Mutlak dikeluarkan;

(iv) Pembayaran baki ansuran pinjaman bulanan kepada EON Bank sebanyak RM4,413 untuk hartanah tersebut akan dibayar oleh isteri sehingga tamat tempoh bayaran tersebut;

(v) Kos petisyen ini ditanggung oleh kedua-dua pihak masing-masing; dan,

(vi) Lain-lain perintah atau relif yang mahkamah fikirkan sesuai dan wajar diberikan.

A **[2]** Petisyen bersama ini disokong oleh afidavit sokongan pempetisyen-pempetisyen (lampiran 3) suami dan isteri telah menyatakan bahawa "kami dengan sukarela memberi kebenaran dan bersetuju untuk perkahwinan ini dibubarkan". Afidavit ini ditandatangani oleh suami dan isteri.

B

[3] Petisyen bersama ini ditetapkan untuk perbicaraan di hadapan saya pada 15 Julai 2011. Pada hari tersebut, suami dan isteri hadir bersama peguamcara mereka iaitu S Ramesh dari Tetuan Hidhir Ramesh & Associates. Semasa perbicaraan kedua-
C dua pihak iaitu suami dan isteri hadir sendiri di hadapan saya, mengakui dan bersetuju agar perkahwinan mereka dibubarkan berdasarkan terma-terma yang dinyatakan di dalam petisyen perceraian bersama tersebut. Saya telah membenarkan petisyen tersebut dan tiga bulan ditetapkan untuk *dekri nisi* ini dijadikan
D mutlak.

[4] Saya percaya perceraian bersama tersebut merupakan suatu permulaan ke atas kebahagiaan kehidupan masing-masing memandangkan perdamaian telah gagal sebagaimana yang dinyatakan di dalam petisyen perceraian tersebut.

E

[5] Walau bagaimanapun, pada 10 Oktober 2011 suami telah melantik peguamcara yang baru iaitu Tetuan Sharif & Khoo serta mengarahkan peguam tersebut memfailkan saman dalam kamar (lampiran 6) memohon antara lain:

F

(i) *Dekri nisi* bertarikh 15 Julai 2011 dibatalkan;

(ii) Semua prosiding berkenaan *dekri nisi* bertarikh 15 Julai 2011 adalah digantung sehingga pelupusan permohonan ini; dan

G (iii) Kos adalah kos dalam kausa.

[6] Permohonan ini disokong oleh afidavit suami pada lampiran 7 yang mana antara lain menyatakan bahawa selepas perintah *dekri nisi*, suami dan isteri masih tinggal serumah, kedua-duanya masih
H berhubung antara satu sama lain dan perkahwinan ini masih boleh diselamatkan.

[7] Isteri bagaimanapun tidak memfailkan sebarang afidavit berkenaan dakwaan suami tersebut, akan tetapi, isteri telah
I memfailkan hujahan bertulis yang menentang permohonan suami tersebut.

[8] Hujahan isteri adalah bahawa Mahkamah Tinggi ini telah *functus officio* selepas saya memberikan perintah *dekri nisi* pada 15 Julai 2011 dan mahkamah ini tidak lagi mempunyai kuasa untuk mengubah atau mengetepikan penghakiman yang diperolehi secara sempurna. Untuk hujahan ini, isteri bersandarkan keputusan Hakim Datin Yeoh Wee Siam di dalam kes *Kattayat Mohandas CP Narayana Menon v. Mangalam Sinniah; Harveen Kaur Balbir Singh (Co-Respondent/Party Cited)* [2011] 1 LNS 494.

[9] Suami pula berhujah bahawa isteri telah bersetuju dengan permohonan suami pada lampiran 6 ini apabila isteri tidak memfailkan sebarang afidavit balasan berkenaan pengataan suami bahawa kedua-dua pihak masih tinggal serumah, masih berhubung antara satu sama lain dan perkahwinan mereka masih boleh diselamatkan. Berkenaan perkara ini, suami merujuk kepada penghakiman *Alloy Automotive Sdn Bhd v. Perusahaan Ironfield Sdn Bhd* [1986] 1 CLJ 2; [1986] CLJ (Rep) 45 dan *Ng Hee Thoong & Anor v. Public Bank Berhad* [1995] 1 CLJ 609.

[10] Suami juga berhujah bahawa sijil menjadikan *dekri nisi* mutlak (selepas ini dirujuk sebagai "Dekri Mutlak") adalah cacat dan terbatal *ab initio* kerana ianya telah dikeluarkan pada 17 Oktober 2011 walhal permohonan lampiran 6 ini difailkan pada 10 Oktober 2011. Suami berhujah bahawa tingkah laku isteri yang memfailkan dekri mutlak selepas permohonan ini difailkan merupakan suatu penghinaan kepada mahkamah.

[11] Suami juga berhujah bahawa tingkah laku Penolong Kanan Pendaftar yang terpelajar, menandatangani Dekri Mutlak tersebut adalah bertentangan dengan k. 53(2) Kaedah-Kaedah Prosiding Perceraian dan Perkahwinan 1980 memandangkan suami telah memfailkan permohonan ini dan suatu pengurusan kes telah dijalankan pada 12 Oktober 2011 berkenaan permohonan lampiran 6 ini.

[12] Saya telah pada 30 November 2011 mendengar permohonan suami ini dan memutuskan bahawa permohonan suami ditolak dengan kos RM1,500. Berbangkit daripada itu, suami terkilan dengan keputusan saya dan segera merayu ke Mahkamah Rayuan. Alasan berkenaan dengan keputusan saya itu, akan saya jelaskan di sini.

A **[13]** Secara ringkas, petisyen perceraian bersama ini difailkan oleh suami dan isteri selaras dengan s. 52 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Antara lain, s. 52 menyatakan seperti berikut; "jika suami dan isteri bersama-sama bersetuju supaya perkahwinan mereka dibubarkan mereka boleh, B selepas tamat dua tahun dari tarikh perkahwinan mereka, menyerahkan suatu petisyen bersama dengan sewajarnya dan mahkamah boleh, jika ia fikirkan patut membuat suatu dekri perceraian apabila berpuashati bahawa kedua-dua pihak itu bersetuju dengan bebas dan bahawa peruntukan yang sepatutnya C ada dibuat untuk isteri itu dan untuk nafkah ...".

[14] Manakala, s. 61(1) pula menyatakan bahawa "tiap-tiap dekri perceraian hendaklah pertamanya menjadi suatu *dekri nisi* dan tidak boleh dijadikan mutlak sebelum tamat tiga bulan dari tarikh ia diberi D melainkan ...". Seksyen 61(2) pula menyatakan "... pihak yang terhadapnya *dekri nisi* itu telah diberi boleh membuat suatu permohonan kepada mahkamah dan atas permohonan itu mahkamah boleh (b) membatalkan *dekri nisi* itu".

E **[15]** Kemudiannya, k. 52(1) menyatakan bahawa "jika, selepas suatu *dekri nisi* telah diumumkan tetapi sebelum ianya dijadikan mutlak, suatu perdamaian telah dilakukan di antara pempetisyen dengan penentang, mana-mana pihak boleh memohon bagi suatu perintah membatalkan *dekri nisi* dengan izin".

F **[16]** Berdasarkan peruntukan-peruntukan ini, ianya seolah-oleh memberikan gambaran bahawa suami isteri masih boleh memfailkan permohonan untuk membatalkan perintah *dekri nisi* sebelum tempoh tiga bulan.

G **[17]** Saya juga merujuk kepada penghakiman *Liew Wai Kuan v. Ong Koh Hou @ Wong Kok Fong & Anor* [2000] 1 LNS 303. Di dalam kes ini, isteri telah memfailkan petisyen untuk membubarkan perkahwinan beliau dengan responden di atas sebab penzinaan. Semasa perbicaraan diadakan, responden menyatakan H bahawa beliau tidak mempunyai sebarang bantahan terhadap pembubaran perkahwinan tersebut dan disebabkan itu, suatu *dekri nisi* telah direkodkan. Suami kemudiannya memohon agar *dekri nisi* tersebut diketepikan atas alasan bahawa ianya adalah suatu perintah persetujuan dan ianya kelihatan seolah-olah perkahwinan I tersebut perlu dibubarkan disebabkan perzinaan.

[18] Hakim Mohd Shaari, menolak notis usul permohonan suami tersebut dan menyatakan seperti berikut, "the 1st respondent is seeking relief to set aside the *decree nisi* with the view of rehearing of the petition, which on the authority, would not be proper. As observed by the learned judge in that case, where the proposed correction to a court order is fundamentally different, the proper remedy would be to lodge an appeal. Further, if the court were to rehear the petition it would mean that there would be no finality in litigation".

[19] Saya juga merujuk kepada penghakiman Datin Yeoh Wee Siam di dalam kes *Kattayat Mohandas CP Narayana Menon v. Mangalam Sinniah; Harveen Kaur Balbir Singh (Co-Respondent/Party Cited)* [2011] 1 LNS 494. Di dalam perkara ini, isteri memohon untuk mengetepikan *dekri nisi* bertarikh 29 Oktober 2010. Perintah *dekri nisi* ini direkodkan secara persetujuan di antara suami, isteri dan pihak yang dinamakan. Dekri Mutlak tiga bulan dari tarikh 29 Oktober 2010. Antara lain, hakim yang bijaksana menyatakan seperti berikut, "applying to the above principles to the present case, even though the *decree nisi* of 29 Oktober 2010 has not been made absolute, by the very fact that parties have entered into it as a consent judgment, it is therefore, a final order. That being the case, i am of the view that following the decision *Hock Hua Bank v. Sahari Murid*, such *decree nisi* cannot be set aside in the same action. This mean that a fresh action has to be commenced and the application to set aside the consent order by a summons in chambers is procedurally incorrect. In any case, since the consent *decree nisi* is a final order granted with the intention to bring the finality and closure to the matter, this court is therefore, *functus officio* and cannot allow wife's application to set it aside".

[20] Berbalik semula kepada permohonan suami lampiran 6 di sini, suami memohon untuk mengetepikan *dekri nisi* bertarikh 15 Julai 2011. Merujuk kepada penghakiman kes *Kattayat Mohandas CP Narayana Menon v. Mangalam Sinniah; Harveen Kaur Balbir Singh (Co-Respondent/Party Cited)* [2011] 1 LNS 494 di atas, saya memutuskan bahawa permohonan secara saman dalam kamar lampiran 6 oleh suami adalah salah dan perlu ditolak.

A **[21]** Pada pendapat saya, ini adalah kerana, mahkamah ini, selepas merekodkan *dekri nisi* berdasarkan petisyen bersama di antara suami isteri pada 15 Julai 2011 merupakan suatu "penghakiman persetujuan" dan untuk mengetepikan/membatalkan ianya perlu dilakukan dengan memfailkan tindakan yang baru dan bukannya B secara saman dalam kamar. *Dekri nisi* yang direkodkan pada 15 Julai 2011 merupakan hasil persetujuan kedua-dua pihak, iaitu suami dan isteri, persetujuan bukan hanya berdasarkan petisyen perceraian bersama, malahan semasa perbicaraan, suami dan isteri bersetuju untuk merekodkan perintah *dekri nisi*. Memandangkan C ianya perintah yang direkodkan secara persetujuan kedua-dua pihak, ianya merupakan perintah *dekri nisi* persetujuan. Perintah *dekri nisi* juga ini merupakan "final order" yang mana saya telah *functus officio* untuk mengetepikan perintah *dekri nisi* ini.

D **[22]** Saya sekali lagi merujuk semula kepada fakta suami isteri ini, mereka telah berkahwin secara sah di sisi undang-undang pada 31 Ogos 2002. Hasil perkahwinan, mereka dikurniakan dengan dua orang anak iaitu Tharun yang berumur lapan tahun dan Jevan yang berumur tiga tahun. Pada 8 Oktober 2010, suami isteri ini membeli E rumah perkahwinan mereka di Bandar Setia Alam, Selangor. Saya percaya bahawa ketika ini, suami dan isteri ini mempunyai sebuah keluarga yang bahagia dan sepakat dalam membuat keputusan untuk kebahagiaan keluarga.

F **[23]** Pun begitu, pada 16 Jun 2011 suami isteri ini secara bersama memfailkan petisyen ini memandangkan percubaan perdamaian di antara suami dan isteri telah gagal dan mereka tidak dapat hidup bersama kembali. Berdasarkan afidavit sokongan terhadap petisyen suami dan isteri telah menyatakan bahawa "kami dengan sukarela G memberi kebenaran dan bersetuju untuk perkahwinan ini dibubarkan". Afidavit ini ditandatangani oleh suami dan isteri. Sekali lagi, saya berkeyakinan bahawa suami isteri ini seia sekata serta sepakat dalam menentukan hala tuju perkahwinan mereka. Kemudiannya, pada 15 Julai 2011, sekali lagi suami dan isteri hadir H bersama-sama untuk membubarkan perkahwinan mereka di hadapan saya.

I

[24] Saya juga mendapati bahawa tiada sebarang afidavit menentang difailkan oleh isteri berkenaan permohonan suami pada lampiran 6 ini. Ianya seolah-olah membangkitkan suatu anggapan bahawa isteri mengakui setiap pengataan-pengataan suaminya di dalam afidavit sokongan lampiran 7 tersebut.

[25] Pun begitu, seperti yang saya jelaskan di perenggan di atas, adalah suatu yang ironi, kedua-duanya hadir di hadapan saya semasa perbicaraan petisyen untuk merekodkan persetujuan bagi pembubaran perkahwinan mereka pada 15 Julai 2011. Sehubungan itu, saya percaya bahawa sekiranya mereka benar-benar ingin kembali bersama hidup aman damai, seperti suami isteri bahagia yang lain, isteri dan suami ini akan hadir secara kediri di hadapan saya pada 30 November 2011 untuk membatalkan *dekri nisi* ini secara bersama-sama memandangkan mereka telah mencapai perdamaian dan ingin hidup kembali.

[26] Malangnya, keadaan ini tidak berlaku. Pada 30 November 2011, semasa pendengaran lampiran 6 tersebut, hanya peguam suami dan peguam isteri sahaja yang hadir. Meskipun, isteri tidak memfailkan sebarang afidavit menentang permohonan suami, dengan mengemukakan hujahan bertulis untuk menentang permohonan suami, sudah cukup untuk menjelaskan secara tersirat, bahawa isteri tidak ingin kembali kepada suaminya ataupun perdamaian tidak pernah tercapai di antara kedua-duanya. Justeru, jika isteri ingin kembali kepada perkahwinan, sudah semestinya, isteri atau peguamnya akan menyatakan persetujuan berkenaan lampiran 6 tersebut pada 30 November 2011.

[27] Ibarat Sri Rama bertemu Sita Dewi, bagaimana getir halangan dan cabaran daripada Rawana dan Maricha, mereka akan tetap kembali bersama, sebagai sebuah rumahtangga yang bahagia dan damai. Tiada pasangan yang berkahwin inginkan keretakan sehingga memusnahkan rumahtangga mereka melainkan pihak-pihak masih berhasrat untuk meneruskan dan mengekalkan perceraian mereka. Sebagai suami dan isteri ini, mereka memulakan rumahtangga dengan bahagia begitulah sehingga mereka ini bercerai di mahkamah ini pada 15 Julai 2011, semuanya dilakukan bersama-sama dan sepakat. Begitulah jua sekiranya suami isteri ingin kembali bersama, semestinya mereka berdua, akan hadir bersama-sama untuk menyatakan persetujuan untuk kembali bersama. Sehubungan itu, meskipun tanpa sebarang afidavit

menentang untuk menafikan pengataan-pengataan suami, saya berkeyakinan bahawa suami dan isteri ini masih belum mencapai sepakat untuk kembali hidup bersama.

[28] Sekiranya pendapat saya di perenggan di atas tidak tepat, saya masih berpandangan bahawa suami tidak boleh membatalkan perintah *dekri nisi* ini. Pendapat saya adalah bahawa suami masih belum membuktikan kepada mahkamah bahawa beliau mempunyai alasan yang kuat dan kukuh untuk mengetepikan perintah *dekri nisi* tersebut. Dakwaan suami bahawa selepas perintah *dekri nisi*, suami dan isteri masih tinggal serumah, kedua-duanya masih berhubung antara satu sama lain dan perkahwinan ini masih boleh diselamatkan bukanlah suatu alasan kukuh dan kuat untuk mengetepikan perintah *dekri nisi* ini.

[29] Sekiranya diteliti pada perenggan afidavit sokongan suami pada lampiran 7, suami mengatakan bahawa isteri hanya tinggal serumah dengannya sehingga 5 September 2011 dan kemudiannya telah meninggalkan rumah perkahwinan mereka. Berdasarkan keadaan ini sahaja, ianya jelas menunjukkan bahawa usaha suami isteri untuk perdamaian dan mewujudkan kembali keluarga yang bahagia tidak berjaya.

[30] Tidak terhad dengan itu, saya berpendapat bahawa tindakan suami memfailkan permohonan lampiran 6 ini adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah dan cubaan untuk melengah-lengahkan seterusnya menggagalkan usaha isterinya untuk mendapatkan Dekri Mutlak daripada mahkamah. Pendapat saya ini berasaskan hakikat bahawa sungguhpun isteri tinggal serumah dengan suami selepas merekodkan perintah *dekri nisi* pada 15 Julai 2011 dan kemudiannya keluar dari rumah perkahwinan tersebut pada 5 September 2011 manakala lampiran 6 ini difailkan pada 10 Oktober 2011, iaitu selepas isteri tidak lagi tinggal serumah dengan suami. Sehubungan itu, suami telah mengetahui bahawa cubaan perdamaian dan mewujudkan kembali rumahtangga mereka telah gagal, tetapi masih memfailkan permohonan lampiran 6 ini dengan alasan perkahwinan masih boleh dipulihkan,

[31] Keduanya, pada perenggan 5 afidavit yang sama, suami mengatakan bahawa anak-anak perkahwinan berada di bawah jagaan beliau, walhal, berdasarkan perintah *dekri nisi* 15 Julai 2011 jagaan anak-anak perkahwinan tersebut diletakkan di bawah jagaan isteri. Sehubungan itu, keadaan ini jelas bertentangan dengan

kehendak perintah *dekri nisi* yang direkodkan secara persetujuan di hadapan saya pada 15 Julai 2011. Malahan, pada 25 November 2011, iaitu lima hari sebelum permohonan lampiran 6 ini dibicarakan, isteri telah memfailkan permohonan untuk komital dan pernyataan di bawah A. 52 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi terhadap suami akibat kegagalan menyerahkan anak-anak perkahwinan kepada isteri. Sekali lagi, dalam situasi ini, saya berpandangan bahawa usaha suami isteri untuk perdamaian dan mewujudkan kembali perkahwinan dan keluarga yang bahagia tidak berjaya.

[32] Ketiga, suami menyatakan bahawa perkahwinan mereka masih mempunyai peluang, sekiranya suami dan isteri ini merujuk kepada badan pendamai, perkahwinan mereka masih boleh diselamatkan. Untuk isu ini, saya berpandangan bahawa sewajarnya mereka merujuk kepada kaunselor perkahwinan atau badan pendamai sebelum kedua-duanya secara sepakat memfailkan petisyen perceraian bersama pada 16 Jun 2011 terdahulu. Tetapi dalam keadaan sekarang, isu merujuk kepada badan pendamai untuk mengembalikan perkahwinan mereka tidak lagi relevan.

[33] Berdasarkan ketiga-tiga perenggan di atas, saya melihat bahawa hala tuju suami dan isteri ini bukanlah ke arah perdamaian dan kebahagian, sebaliknya, ianya pelaksanaan terhadap perintah *dekri nisi* tersebut. Sehubungan itu, dakwaan suami bahawa perkahwinan masih boleh diselamatkan adalah diragui.

[34] Selanjutnya, hujah suami berkenaan Dekri Mutlak yang dikeluarkan oleh mahkamah sebelum tempoh tiga bulan sebagaimana yang ditetapkan bukanlah suatu isu yang relevan terhadap permohonan suami dalam lampiran 6 ini. Ini adalah kerana permohonan suami adalah untuk mengetepikan perintah *dekri nisi* dan penggantungan semua prosiding lain berkenaan perintah *dekri nisi* ini, "prosiding lain" yang dirujuk oleh suami adalah pelaksanaan terhadap perintah *dekri nisi* yang akan diteruskan oleh isteri kelak memandangkan isteri telah keluar dari rumah perkahwinan pada 5 September 2011, khususnya isu menyerahkan anak-anak perkahwinan dan 1/2 bahagian rumah perkahwinan kepada isteri sebagaimana yang dimeterai di dalam *dekri nisi* 15 Julai 2011 tersebut. Justeru, sama ada Dekri Mutlak wajar dikeluarkan atau tidak pada 14 Oktober 2011, tidak akan sama sekali menjejaskan hak suami untuk meneruskan perbicaraan

A lampiran 6 ini. Keputusan yang dibuat oleh saya berkenaan lampiran 6 ini juga tidak sama sekali dipengaruhi oleh Dekri Mutlak tersebut.

[35] Pada peringkat ini juga, saya suka menyatakan bahawa
B persoalan berkenaan perkahwinan dan perceraian, mahkamah ini sememangnya tertakluk kepada Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Walau bagaimanapun, isu berkenaan pembubaran perkahwinan sebenarnya berkenaan kehendak hati dan perasaan pasangan suami dan isteri itu sendiri,
C kehendak dan aspirasi masing-masing dalam menentukan hala tuju kehidupan sebelum, semasa perkahwinan dan selepas pembubaran perkahwinan. Pada hemat saya, perkahwinan adalah suatu perlakuan yang mulia, ianya hasil daripada kesepakatan dan kehendak hati serta perasaan kedua-dua pihak untuk membina
D kebahagian rumahtangga. Tiada paksaan dalam perkahwinan, begitulah juga dalam perceraian suami isteri ini. Oleh itu, sewajarnya tiada paksaan untuk isteri atau suami untuk mengekalkan atau membatalkan *dekri nisi* ini.

E **[36]** Justeru, berdasarkan alasan-alasan di atas, saya memutuskan bahawa permohonan suami pada lampiran 6 yang disokong afidavit beliau pada lampiran 7, ditolak dengan kos RM1,500.

F

G

H

I